

Tubuh pangkalan di Sabah: Dr M

Harian Ekspres - 30/3/2005

Oleh CHRIS MASKILONE

KOTA KINABALU: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, tidak ada sebab bagi Petronas, satu-satunya syarikat petroleum negara, untuk tidak menubuhkan pangkalan di Sabah, sekiranya kajian mewajarkannya.

"Saya bersetuju Petronas harus melihat kemungkinan menceburi bidang-bidang baru di Sabah," katanya.

Menjawab soalan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Chong Kah Kiat semasa sesi soal jawab khas di Persidangan Antarabangsa CEO 2005, di Magellan Sutra Harbour Resort di sini, pada Selasa, Dr Mahathir bagaimanapun berkata, ia mengambil masa yang terlalu lama untuk direalisasikan.

Beliau menyebut proses apabila Terengganu menjadi pusat operasi terbesar Petronas di negara ini juga mengambil masa yang lama untuk menjadi kenyataan.

Sekiranya boleh dilaksanakan, Petronas sudah tentu akan menceburi lebih jauh ke dalam sektor hiliran dan menyediakan lebih banyak infrastruktur di Sabah, katanya.

Terdahulu, Chong yang berkata beliau mengambil peluang itu sebagai moderator sesi untuk mengemukakan soalan kepada Dr Mahathir, bertanya apakah masanya sudah sesuai bagi Petronas untuk memainkan peranan lebih besar di Sabah.

Jawapan Dr Mahathir sebelum itu ialah memandangkan beliau bukan lagi Perdana Menteri, ada kemungkinan yang nasihatnya kepada Petronas ditolak, disambut dengan gelak ketawa para hadirin.

Kepada satu lagi soalan tentang persaingan sengit daripada China yang dihadapi negara terutamanya dalam

industri pemrosesan, beliau berkata, perdagangan Malaysia dan China telah menjadi yang paling cepat berkembang berbanding rakan dagang negara yang lain.

Daripada bersaing dengan mereka dalam sektor-sektor yang kita tidak boleh menang, adalah lebih baik bagi negara ini untuk mengambil peluang daripada pasaran China yang luas.

"Mereka mempunyai 1.3 bilion juta penduduk, katakanlah setiap seorang daripada mereka memakan satu sudu

pernah mengeluarkan barangan elektronik lebih murah daripada pesaing mereka dari Eropah.

"Bagaimanapun, masa berlalu dan industri ini tidak mampu mengekalkan kos operasi yang rendah disebabkan meningkatnya permintaan di kalangan pekerja untuk gaji yang lebih baik.

"Saya rasa China akan menghadapi masalah yang sama. Saya diberitahu, di beberapa tempat di China buruh menjadi semakin mahal sekarang ini," katanya.

'Contohi usaha Sabah'

TUN Dr Mahathir Mohamad berharap negeri-negeri lain akan mencontohi usaha Sabah dalam menganjurkan Persidangan Antarabangsa CEO kerana ia boleh membawa manfaat bukan sahaja kepada negeri tetapi juga negara.

"Saya kagum dengan kehadiran itu termasuk rakyat asing dari 72 buah negara. Ini baik buat Sabah dan sudah tentu Malaysia," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan ucapan di majlis penutupan persidangan itu di Magellan Sutra Harbour, pada Selasa.

Dr Mahathir selaku Pengerusi Yayasan Kepimpinan Perdana menambah, persidangan serupa boleh diadakan

minyak sawit (kita) itu sudah cukup. Jual lebih banyak minyak sawit kepada mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, antara sebab utama China begitu kuat adalah "kadar gaji yang teramat rendah" membolehkan mereka mengekalkan harga paling rendah.

Bagaimanapun, beliau percaya masanya akan tiba apabila China tidak akan dapat mengekalkan tahap gaji itu berdasarkan pengalaman Jepun, yang

di tempat-tempat lain di negara ini dan tidak semestinya di Kuala Lumpur sahaja.

Sementara itu, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman dalam ucapannya berkata, persidangan itu telah mewujudkan hubungan perniagaan yang amat berguna serta bertukar-tukar maklumat.


"Pada masa yang sama, sudah pasti delegasi kita telah memperolehi kefahaman daripada persidangan itu berhubung pelbagai peluang perniagaan dan pelaburan yang ditawarkan oleh Sabah.

"Dalam menganjurkan persidangan ini, kita juga telah cuba mengambil langkah berani dan berbeza," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, matawang Amerika Syarikat (AS) mustahil untuk pulih dan kemungkinan tidak akan menjadi kukuh seperti dahulu disebabkan defisitnya yang besar dan kurang sokongan.

"Saya telah mengkaji pergerakan mata wang AS. Melainkan defisitnya dikurangkan, mereka akan berhadapan dengan masalah yang serius dengan mata wang mereka," katanya.

Beliau berkata, dolar AS telah turun



DR MAHATHIR...ia mengambil masa yang lama

nilai berbanding mata wang asing walaupun tidak berbanding ringgit, yang ditambah pada kadar RM3.8 bagi setiap dolar AS.

Dr Mahathir berkata, ketidaktentuan di dalam kadar pertukaran dolar AS berbanding mata wang asing perlu dikendalikan, perbuatan lindung nilai tidak lagi mencukupi. Bajet dan harga perlu dikaji dari masa ke semasa dan pengurusan tunai menjadi bahagian yang penting."

"Kini, bank pusat di seluruh dunia telah mengurangkan pegangan mata wang AS," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia kemungkinan bertukar kepada matawang lain kerana dalam hanya satu tahun, rezab asing Malaysia telah meningkat kepada lebih RM70 bilion daripada RM32 bilion.

"Ini merupakan peningkatan dua kali dan peningkatan itu kemungkinan disebabkan memegang mata wang lain yang telah meningkat berbanding dolar AS" katanya.